



**فرتوبوهن كبغسان ملايو برساتو**  
**PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU**  
**(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION) UMNO**

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

**SETIAUSAHA AGUNG**

UMNO/R/SUA/2/Jld.2/36  
2 September 2020

**SETIAUSAHA UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN**  
**PEN. SETIAUSAHA WANITA UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN**  
**PEN. SETIAUSAHA PERGERAKAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN**  
**PEN. SETIAUSAHA PERGERAKAN PUTERI UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN**

*Yang Berhormat/Yang Berbahagia,*

**MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN, WANITA UMNO,  
PERGERAKAN PEMUDA DAN PERGERAKAN PUTERI UMNO BAHAGIAN**

---

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian, Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri UMNO **DITANGGUHKAN ke 27 September hingga 15 November 2020.**
3. Penangguhan ini dibuat berikutan Pilihan Raya Negeri Sabah (PRN) yang akan diadakan pada 12 September hingga 26 September 2020.
4. Bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS), berikut merupakan garis panduan yang perlu diambil perhatian dan tindakan selanjutnya.
  - 4.1. Mengikut Peraturan Persidangan UMNO Perkara 11.1 dimaklumkan cukup bilang untuk Mesyuarat UMNO Bahagian adalah satu perempat (1/4) daripada jumlah keseluruhan perwakilan yang berhak hadir.



*Rakyat Didahulukan  
People First*



46322/A/0001/UK/En

**BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT**

**4.1.1 Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian**

Adalah disarankan bahawa Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian terdiri daripada :-

- a. Pengerusi Tetap
- b. Timbalan Pengerusi Tetap
- c. Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian
- d. Ketua UMNO Cawangan
- e. Ketua Wanita UMNO Cawangan
- f. Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Puteri UMNO Cawangan

**4.1.2 Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri UMNO Bahagian**

Adalah disarankan bahawa Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri UMNO Bahagian terdiri daripada :-

- a. Pengerusi Tetap
- b. Timbalan Pengerusi Tetap
- c. Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri UMNO Bahagian
- d. Wakil-wakil UMNO Bahagian
- e. Ketua, Naib Ketua, Penolong Setiausaha Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri UMNO Cawangan-cawangan

5. Sekian untuk perhatian dan tindakan Yang Berhormat/Yang Berbahagia selanjutnya. Terima kasih.

**BERSATU ~ BERSETIA ~ BERKHIDMAT**



**DATUK SERI HAJI AHMAD BIN MASLAN**

- s.k :
- i. Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri-negeri
  - ii. Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri-negeri